

**Kerajaan Digesa Tubuh Majlis Keselamatan Air  
Bernama  
25 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 25 Ogos (Bernama) -- Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (LSSM) menggesa kerajaan menubuhkan Majlis Keselamatan Air untuk mengurangkan kadar kematian akibat lemas di negara ini.

Presidennya Lim Chien Ch'eng berkata kajian LSSM mendapati purata 600 orang lemas setiap tahun sejak lima tahun lepas.

"Apabila ditubuhkan, majlis ini boleh mengumpul statistik sewajarnya berdasarkan kumpulan usia, gender dan punca kematian, yang belum wujud ketika ini, bagi membolehkan satu dasar berkesan digubal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Penyelamat Nyawa Kebangsaan ke-40 dan Cabaran Sukan Penyelamat Nyawa Antarabangsa 2012 di sini, hari ini.

Lim berkata majlis yang dicadangkan penubuhannya itu boleh menasihati agensi kerajaan tempatan berhubung perkara berkaitan undang-undang dan peraturan yang diperlukan untuk menjadikan kolam renang umum, lebih selamat.

Katanya LSSM melancarkan kempen mengumpul tanda tangan orang ramai untuk dikemukakan dan diambil tindakan oleh kerajaan persekutuan menjelang akhir bulan ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689778>